

Pindaan Akta Kerja mampu capai ekonomi berpendapatan tinggi

KUALA LUMPUR 22 April – Pindaan terhadap beberapa akta berkaitan pekerja mampu membantu Malaysia mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan berkata, undang-undang buruh yang ketat dan tidak dikemas kini mengikut pere-

edaran zaman sejak 50 tahun lalu boleh membantut aspirasi kerajaan membangunkan ekonomi berteras-kan kreativiti dan inovasi.

“MEF telah menggesa supaya undang-undang buruh yang diguna pakai ketika ini dikaji semula memandangkan peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang disumbangkan sektor perkhidmatan adalah

sebanyak 61 peratus berbanding 29 peratus dalam sektor pembuatan.

“Malaysia perlu segera merubah undang-undang buruh yang tidak fleksibel kerana ia tidak kondusif kepada peningkatan produktiviti serta daya saing negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Shamsuddin berkata, setelah meneliti cadangan Kementerian Sumber

Manusia berhubung pindaan Akta Kerja 1955, Akta Hubungan Industri 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959, pihaknya berpendapat ia selari dengan kehendak pasaran perniagaan masa kini dan akan datang.

Beliau berkata, cadangan pindaan tersebut menepati objektif untuk memperkukuh pentadbiran majikan dalam mencapai lebih autonomi se-

lain memperjelaskan beberapa peruntukan undang-undang yang kabur.

“Misalnya, dalam cadangan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959, langkah membenarkan syarikat mengkaji semula pengiktirafan yang diberikan kepada kesatuan setiap lima tahun sekali adalah sangat relevan dengan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah,” katanya.